

28/07/1998

Waspada pelabur spekulatif: Mahathir

Mahfar Ali in Swakopmund (Namibia)

SWAKOPMUND (Namibia), Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan negara membangun supaya tidak terlalu mudah menerima kemasukan pelabur asing, walaupun perdagangan dunia semakin terbuka.

"Kita tahu mereka melabur dan membantu ekonomi kita, tetapi sesetengahnya mempunyai muslihat lain. Oleh itu, negara-negara Afrika janganlah terlalu lurus dengan pelabur yang datang untuk melabur di negara mereka," katanya.

Perdana Menteri merujuk kepada pelabur asing jangka pendek yang melabur bagi tujuan spekulatif, untuk mengaut keuntungan semata-mata.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bersama yang dipengerusikan Presiden Namibia, Dr Sam Nujomo, di akhir sesi hari pertama Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) '98, di sini semalam.

Dr Mahathir yang diminta memberikan pandangan mengenai krisis kewangan dan bagaimana Malaysia menanganinya, memberi contoh pelabur asing kini bebas memasuki pasaran saham serta meningkatkan harga saham untuk meraih keuntungan segera.

Katanya, beliau menghadiri SAID kedua ini untuk berkongsi pengalaman negara-negara Asia yang mengalami kejatuhan nilai mata wang akibat manipulasi oleh peniaga mata wang.

Menurutnya, ekonomi Afrika juga boleh menghadapi masalah yang serius apabila perdagangan mata wang dibenarkan secara bebas.

"Ini terjadi kepada Malaysia. Daripada negara yang melalui pertumbuhan ekonomi pesat, kekayaan kami kini berkurangan lebih separuh, malah keadaan di sesetengah negara jiran kami lebih teruk," katanya yang sebelum itu mengadakan pertemuan dengan beberapa pemimpin Afrika, termasuk Presiden Botswana, Festus G Mogae dan Robert Mugabe dari Zimbabwe.

Ketibaan Dr Mahathir dan rombongan disambut Dr Sam.

Sementara itu, Pengerusi Commonwealth Partnership For Technology Management (CPTM), Tan Sri Omar Abdul Rahman, berkata penyertaan Malaysia dalam SAID '98 cukup penting dan lebih bermakna.

Ini kerana, katanya, dialog tiga hari itu yang diadakan dengan kerjasama CPTM -sebuah badan Komanwel, berlangsung di saat rantau berkenaan mula diancam krisis kewangan hingga memburukkan lagi keadaan ekonomi sesetengah negara terbabit.

Menurutnya, suasana itu turut dihadapi di beberapa negara Asia, termasuk Malaysia sejak setahun lalu dan pengalaman itu sudah tentu dapat dikongsi dan dimanfaatkan negara di rantau ini.

Setakat ini, Afrika Selatan dikatakan negara paling teruk di benua itu yang menerima kesan serangan spekulator asing yang turut dikaitkan dengan pembiayaan dana antarabangsa, George Soros.

Menurut laporan, sejak Mei lalu nilai mata wang Afrika Selatan, rand, jatuh melebihi 25 peratus. Kejatuhan rand turut mempengaruhi pasaran wang di Namibia.

Perkembangan ini mendorong SAID '98 untuk membincangkan isu berkenaan secara serius bagi mengelak keadaan itu merebak lebih teruk.

Ini adalah kali kedua berturut-turut Dr Mahathir menghadiri dialog itu sejak diperkenalkan tahun lalu. SAID '97 diadakan di Kasane, Botswana pada Mei tahun lalu.

SAID '98 ini turut disertai beberapa tokoh korporat Malaysia, termasuk Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajuddin Ramli.

Dr Omar berkata, SAID diadakan menyusul Dialog Antarabangsa Langkawi

(LID) dua tahun lalu yang mengetengahkan konsep perkongsian pintar yang diilhamkan Dr Mahathir.

Konsep itu berteraskan falsafah kerjasama 'sama-sama menang' dan persaingan sihat di antara kerajaan, sektor swasta dan pekerja.

"Pemimpin negara Selatan Afrika melihat pendekatan ini juga sesuai dijadikan asas peralihan dan pertumbuhan ekonominya dan sejak SAID '97, semakin banyak pihak sedar mengenai manfaat hasil perkongsian ini," katanya.

Lebih menarik, kata Dr Omar, SAID '98 menggabungkan perkongsian pintar dari negara anggota Komuniti Pembangunan Selatan Afrika (SADC), LID serta negara Barbados.

Dalam hubungan ini, katanya, delegasi Malaysia sudah tentulah mempunyai misi berat yang mesti dicapai, iaitu membuktikan idea berkenaan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan di rantau ini.

"Ini penting supaya kita terus dihormati dan diberi kepercayaan sebagai rakan kongsi yang berpotensi dan ini tidak dapat dilakukan Dr Mahathir seorang, tetapi ia memerlukan bantuan semua delegasi Malaysia," katanya.

(END)